

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34

OPR boleh kekal jika inflasi terus turun, mereda



OPR boleh kekal jika inflasi terus turun, mereda

PUTRAJAYA: Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menjelaskan bahawa Kadar Dasar Semalaman (OPR) boleh terus dikekalkan pada paras 2.75 peratus jika kadar inflasi terus menurun atau mereda.

Menurutnya, apa yang memacu kadar naik turun inflasi ketika ini adalah perbelanjaan pengguna di restoran sama ada makan atau bawa pulang selain di hotel.

Justeru katanya, pengguna yang perlu memainkan peranan

utama bagi menentukan kadar inflasi itu.

"Saya tidak pasti kadar OPR signifikan kepada kadar inflasi jika ia dikekalkan. Namun jika kadar inflasi boleh turun pada bulan ini dan Februari maka, OPR boleh dikekalkan," katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Sebelum ini, Bank Negara Malaysia menerusi Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) membuat keputusan mengekalkan OPR pada paras 2.75 peratus selepas empat kenaikan secara

berturut-turut sejak Mei tahun lalu.

Minggu lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengumumkan kadar inflasi menurun kepada 3.8 peratus pada Disember 2022, berbanding 4.0 peratus bulan sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, kadar inflasi bagi keseluruhan tahun 2022 meningkat 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus yang dicatatkan pada 2021.